



## APAN Platform Rangkaian Jaringan Asia Pasifik



Dato' Joseph Salang Anak Gandum menyampaikan cenderahati kepada Pengarah Program dan Jawatankuasa APAN Net Resources, Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis.

SERDANG, 21 Julai –Persidangan Asia-Pacific Advanced Network (APAN) telah dijadikan landasan perkongsian keparahan dengan seluruh rangkaian di Asia Pasifik untuk mewujudkan jaringan yang maju dalam bidang penyelidikan bagi generasi kini dan masa hadapan.

Persidangan ke-28 itu dijurnurkan oleh National Advanced IPv6 Centre (NAV6) yang mewakili Universiti Sains Malaysia (USM), InfoComm Development Centre (IDEC) mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Malaysian Research and Education Network (MyREN).

Persidangan ini juga merupakan kali kedua diadakan di Malaysia dan telah melibatkan nama-nama besar dalam rangkaian jaringan maju seperti United States (US), United Kingdom (UK), Perancis, Jepun, China, Korea, Australia selain turut disertai oleh India, Nepal, Sri Lanka, Bangladesh, Pakistan, Brunei, Vietnam, Cambodia, Thailand, Indonesia, dan Kanada.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Dato' Joseph Salang Anak Gandum berkata penyelidik dari pelbagai negara akan berkumpul untuk bertukar idea dan pengetahuan selain mengambil kesempatan untuk mengadakan kerjasama yang baru.

"APAN menjadi antara pelan strategik kerajaan yang akan menyediakan pendekatan menyeluruh kepada kemudahan jalur lebar yang lebih canggih dan meluas di negara dalam usaha menuju strategi jangka panjang.

"Usaha mempromosi institusi penyelidikan dan industri domestik bersama institusi antarabangsa akan diteruskan dengan peruntukan daripada kerajaan sebanyak 43 juta," katanya sebelum merasmikan Persidangan APAN ke-28 di Berjaya Times Square & Convention Centre.

Dato' Joseph turut berkata bantuan akan disalurkan kepada semua university serta institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meluaskan jaringan antarabangsa dan kerjasama dalam bidang penyelidikan.

Pada majlis perasmian tersebut juga telah menyaksikan pelancaran Persatuan 'Malaysia Grid Forum'.



Sebahagian peserta APAN dari pelbagai negara sedang mendengar ucapan Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Dato' Joseph Salang Anak Gandum pada persidangan ke-28 di Berjaya Times Square & Convention Centre.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti UPM